

07 APR 1997

MAHATHIR ADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA DENGAN PERDANA MENTERI BAHRAIN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA (Bahrain), 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Bahrain Khalifa Salman Al-Khalifa.

Pertemuan selama satu jam itu diadakan di Istana Shaikh Hamad di sini.

Mereka yang turut serta ialah anggota delegasi Malaysia termasuk Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Affifuddin Omar.

Dr Mahathir yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Esok Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapan dasar pada Forum ekonomi Teluk yang akan membincangkan antara lain pembaharuan ekonomi, pasaran modal dan usaha mempelbagaikan ekonomi negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang bergantung kepada minyak.

Negara anggota GCC - Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emirata Arab Bersatu - mengeluarkan kira-kira 18 peratus minyak mentah dunia dan ekport hasil minyak merupakan dua pertiga daripada pendapatan mereka.

-- BERNAMA

ARA RON